



## **PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 10 TAHUN 2019**

---

### **PINDAAN KAE DAH MEREKOD KEHADIRAN BAGI STAF AKADEMIK**

---

[Telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti  
Kali Ke-143 (Bil. 17/2019) pada 31 Oktober 2019]

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai pindaan kaedah merekod kehadiran bagi staf akademik

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Dasar Kehadiran Bertugas Bagi Staf Universiti Malaysia Perlis telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-55 Bil. 1/2017.
  
- 2.2 **Kaedah merekod kehadiran** (waktu masuk dan keluar pegawai) yang diguna pakai di UniMAP adalah dengan cara imbasan cap jari sahaja menggunakan alat pengimbas biometrik (*thumb print*).

- 2.3 Waktu bekerja fleksibel ditetapkan kepada staf akademik di mana waktu yang ditetapkan ialah minimum lapan (8) jam sehari [tidak termasuk satu (1) jam rehat] dengan jumlah terkumpul 160 jam sebulan. Waktu bekerja ini hanya terpakai untuk **staf akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran.**
- 2.4 Staf akademik terdiri daripada klasifikasi perkhidmatan pendidikan dengan jawatan Pensyarah Universiti (DS), Guru Bahasa (DG) dan Pegawai Latihan Vokasional (DV).
- 2.5 Dalam Syarahan Umum Naib Canselor pada 22 Ogos 2019, Naib Canselor telah mencadangkan masa kerja staf akademik yang lebih fleksibel seperti yang diamalkan di Universiti lain, di mana **staf akademik hanya perlu touch sekali sahaja setiap hari (dalam masa waktu kerja) di tempat lantikan hakiki.** Pengecualian *touch* di pejabat hakiki adalah hanya untuk staf lantikan bersama. Tempoh percubaan ini adalah sehingga **31 Disember 2019.**

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Staf akademik hanya dibenarkan **merekod kehadiran pada pengimbas biometrik mengikut jabatan/PTj hakiki sahaja** seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
- 3.2 Staf akademik yang memegang jawatan pentadbiran diberi kelonggaran untuk merekod kehadiran di jabatan yang disandang atau jabatan hakiki sahaja.

- 3.3 Staf akademik perlu merekod kehadiran sekali sahaja dalam waktu bekerja iaitu dari jam 8.10 pagi sehingga 5.10 petang. Staf perlu memenuhi tempoh waktu bertugas 8 jam sehari.
- 3.4 Staf perlu mengutamakan sikap amanah dan berintegriti apabila merekod kehadiran.
- 3.5 Sekiranya berlaku apa-apa kemalangan akibat kecuaian atau kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan maka pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab.
- 3.6 Cadangan kajian rintis Pindaan Kaedah Merekod Kehadiran Bagi Staf Akademik ini adalah sehingga 31 Disember 2019.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'



**(HJ. MOHD SAAD BIN DIN)**

Pendaftar

**Jabatan Pendaftar**

**Universiti Malaysia Perlis**

**13 November 2019**